

**SIARAN MEDIA**  
**Untuk Siaran Segera****MSM USAHA UNTUK KEMBALI UNTUNG SECARA MAMPAK  
WALAUPUN BERDEPAN CABARAN KOS INPUT**

**KUALA LUMPUR, 8 JUN, 2023** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis nasional "Gula Prai", memberi tumpuan untuk meningkatkan prestasi kewangannya untuk TK2023 dan seterusnya secara mampan berikutan pengumuman kerajaan baru-baru ini yang membenarkan penjualan gula bukan harga terkawal dan penyelesaian program pemulihan teknikal di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) yang bersedia untuk pengeluaran lebih tinggi dan kepelbagaian produk.

Program penambahbaikan MSM Johor yang lengkap bukan sahaja akan meningkatkan faktor penggunaan pengeluaran (UF) tetapi juga selari dengan visi MSM Johor untuk menjadi pusat penapisan gula bertaraf dunia dengan kebolehpercayaan dan ketersediaan penuh untuk penapisan pada kapasiti pengeluaran reka bentuk yang efektif iaitu sebanyak 1 juta tan setahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata "Melihat ke hadapan, kami meramalkan bahawa prestasi Kumpulan akan dicabar oleh kos input yang tinggi tetapi akan tetap mengejar pulangan keuntungan dengan hasil yang kukuh apabila kami mula merealisasikan keuntungan daripada jumlah pengeluaran yang lebih tinggi, pasaran yang lebih luas dan kepelbagaian produk yang lebih besar dengan memanfaatkan bahagian pasaran kami yang besar. Di samping itu, terdapat peluang yang besar untuk mengembangkan eksport dengan pasaran 4.0 juta tan setahun di Asia Pasifik di mana MSM Johor mempunyai kelebihan geo-strategik. Di MSM Prai, kami meneruskan program lanjutan memberi nafas baru yang akan melanjutkan jangka hayat operasi kilang penapisan itu selama 30 tahun lagi."

MSM berhasrat untuk mengembangkan lagi jejak eksport daripada 6 peratus kepada 12-15 peratus bahagian dalam tempoh terdekat hingga sederhana bagi pasaran serantau. Harga gula global telah meningkat disebabkan keimbangan keselamatan makanan dan permintaan global mengatasi pengeluaran. MSM juga akan dapat menawarkan penghantaran pecah pukal mulai Julai tahun ini untuk tawaran mega ke China, Bangladesh dan Indonesia.



“Selain daripada program penambahbaikan yang dirancang, kami berbesar hati dengan pengumuman kerajaan yang membenarkan industri gula tempatan menghasilkan gula halus putih tulen pada harga yang ditentukan oleh kuasa pasaran tanpa kawalan harga. Ini akan membolehkan kami lebih berdaya tahan terhadap kos input yang tinggi, justeru MSM akan terus berusaha untuk kembali untung secara mampan,” katanya semasa sidang media Mesyuarat Agung Tahunan MSM ke-12 hari ini.

“Gula baharu yang diperkenalkan menawarkan pilihan tambahan kepada pengguna bagi gula berkualiti ketulenan tinggi yang boleh didapati di pasaran secara berperingkat mulai minggu ini dan dijual di seluruh negara. Dalam meluaskan titik capaian pengguna, kami telah memperoleh jaminan jualan melalui inisiatif akhir (*Last Mile*) dengan menyertai cawangan runcit terbesar di Malaysia meliputi sekitar 2,293 kedai di seluruh negara. Sebelum gula baharu ini diperkenalkan, kerajaan memberi mandat bahawa syarikat penapis gula memberi jaminan bekalan bulanan sebanyak 42,000 tan gula putih kasar dan halus untuk memastikan pasaran domestik dipenuhi dan tidak terganggu. Kami telah mematuhi keperluan ini dengan sewajarnya,” kata Syed Feizal.

MSM merekodkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM179 juta untuk TK2022, berbanding keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM81 juta untuk TK2021. Kumpulan juga mencatatkan peningkatan 14 peratus dalam hasil sebanyak RM2.57 bilion untuk 12 bulan TK2022 berbanding RM2.26 bilion pada TK2021.

Bagi tahun kewangan 2023 (FY2023), MSM meramalkan cabaran yang lebih besar dengan peningkatan kos pengeluaran utama. Bagi suku pertama (S1) TK2023, mencatatkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM33 juta bagi suku pertama (S1) TK2023, berbanding LBT sebanyak RM25 juta untuk S1TK2022 hasil daripada margin yang lebih rendah dan kos operasi yang lebih tinggi. Kumpulan juga berdepan dengan kos pengeluaran yang lebih tinggi didorong oleh pertukaran asing 5.2 peratus lebih tinggi dan peningkatan kos gas sebanyak 65 peratus yang menyebabkan kos penapisan lebih tinggi. Kumpulan mencatatkan margin untung kasar negatif sebanyak 2 peratus berbanding negatif 1 peratus pada tahun sebelumnya kerana Kumpulan terus beroperasi dalam segmen Pemborong margin negatif tanpa sebarang subsidi atau pelarasan harga.

MSM ingin mengulangi penjelasan berikut tentang tanggapan salah berkenaan subsidi bagi industri gula tempatan. Industri gula tempatan **tidak lagi menerima subsidi daripada kerajaan sejak 2013** dan beroperasi dalam industri terkawal yang ditadbir oleh Kementerian



Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah "Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dinyatakan dalam Jadual 1 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974". Harga runcit gula di Malaysia merupakan yang paling murah di rantau Asia Pasifik, seperti yang diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Penentuan Harga Maksimum – No. 2, Perintah 2017).

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara yang terkemuka, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi untuk memastikan keterjaminan makanan Malaysia. Selain itu, MSM sedang mempertimbangkan untuk menyokong keterjaminan gula mentah melalui penanaman huluan tebu. Inisiatif ini disokong oleh Kerajaan dan kajian sedang dijalankan.

## -TAMAT-

### Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### Untuk pertanyaan media sila hubungi:

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)